

# Zika

## menakutkan

» *Virus merebak  
disebabkan nyamuk  
aedes, bahaya kepada  
wanita hamil, jejas  
perkembangan janin*



Oleh Rashidah Ilimi  
Abd Rahim  
rasyiqah@bh.com.my

**V**irus zika yang disebabkan nyamuk aedes dan merebak di lebih 20 negara menimbulkan kebimbangan masyarakat dunia apabila dikatakan penyebab bayi yang dilahirkan berkepala kecil dan berkemungkinan mengundang risiko kemerosotan kesihatan secara menyeluruh.

Meskipun Kementerian Kesihatan mengesahkan tiada virus zika dikesan di negara ini, namun Malaysia mempunyai densiti nyamuk aedes iaitu nyamuk pembawa virus zika yang tinggi.

Terbaru, pengkaji mengkaji kemungkinan virus boleh dijangkiti melalui hubungan seks. Ia ditemui di dalam air mani seorang lelaki di Tahiti dan terdapat satu lagi laporan mengenai kemungkinan penyebaran virus melalui hubungan seks.

Lebih membimbangkan, virus itu dikhuatiri menjadi ancaman lebih besar kepada kesihatan global berbanding wabak ebola yang meragut lebih 11,000 nyawa di Afrika, dua tahun lalu.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) memberi amaran kira-kira empat juta orang berisiko dijangkiti virus zika, malah menegaskan tahap ancaman wabak berkenaan berada pada tahap sangat tinggi.

### Risiko wanita hamil, janin

Ketua badan amal penyelidikan perubatan di Britain, Wellcome Trust, Jeremy Farrar menyifatkan Zika jangkitan dalam senyap dalam kumpulan individu berisiko dijangkiti seperti wanita hamil yang akan memberi kesan besar kepada bayi dalam kandungan mereka.

Kewujudan virus ini dikaitkan dengan kelahiran bayi yang mempunyai kepala luar biasa lebih kecil iaitu *Microcephaly* dan sindrom *Guillain-Barre* (GBS) yang boleh menyebabkan lumpuh sementara.

Menurut Pakar Kesihatan Awam Hospital Columbia Asia, Dr Hanafiah Bashirun, kaitan antara virus zika dengan kecacatan kelahiran dan sindrom neurologi sememangnya jelas walaupun belum disahkan.

Katanya, walaupun penyakit berkenaan hanya menyebabkan demam ringan dan



ruam di badan serta sakit sendi, iatidak menyebabkan kematian.

Serangan itu bahaya kerana sebahagian besar penyakit tidak menunjukkan sebarang gejala hingga menyukarkan mangsa terutama wanita hamil dan kanak-kanak membuat pengesahan sama ada mereka dijangkiti atau tidak.

### Ada kaitan dengan selesema biasa

“Zika ialah sejenis penyakit yang dikaitkan dengan

selesema biasa dan sukar disedari mereka yang menghidapinya.

“Bagi yang mendapat gejala penyakit ini, biasanya mereka hanya mengalami gejala ringan seperti demam, ruam, sakit sendi dan mata merah yang tidak kurang daripada seminggu,” katanya ketika dihubungi BH, baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Dr Hanafiah berkata, virus zika yang merebak akan menyebabkan kecacatan otak dan boleh menyerang

bayi dalam kandungan.

Katanya, virus itu boleh tersebar menerusi jangkitan kuman kepada janin dan peringkat janin yang paling berisiko dijangkiti virus tersebut adalah dalam tempoh kehamilan tiga bulan pertama.

“Sindrom *Microcephaly* yang disebabkan virus zika akan menyebabkan seseorang kanak-kanak berhadapan kecacatan mental sehingga membataskan kecerdasan pergerakan otot seumur hidup mereka.

“Bagaimanapun, sehingga kini, tiada vaksin atau rawatan mengubati zika yang menunjukkan gejala sama seperti denggi dan chikungunya,” katanya.

### Lindungi daripada digigit

Justeru, beliau menyarankan masyarakat di negara ini melindungi diri daripada gigitan nyamuk dengan menggunakan penghalau serangga.

Elakkan diri daripada gigitan dengan memakai baju lengan panjang dan seluar lengan panjang terutama pada waktu siang, apabila nyamuk cenderung untuk menjadi aktif.

Selain itu, katanya usaha membersihkan dan menghapuskan tempat pembiakan perlu bagi mengawal populasi nyamuk juga membantu mencegah penyebaran virus.

Tambahnya lagi, bagi pesakit yang mempunyai gejala zika, mereka dinasihatkan berehat dengan cukup, minum air yang banyak dan mengambil ubat untuk melegakan demam dan sakit.

“Jika gejala berlarutan melebihi tiga hari, segeralah mendapatkan rawatan di klinik atau hospital berhampiran,” katanya.

Tiada vaksin atau ubat menangani virus zika. Pesakit yang menerima simptom zika perlu



Tidur yang cukup



Gunakan pakaian melindungi tangan dan kaki



Ambil ubat yang dinasihatkan doktor



Minum air dengan banyak

Langkah mencegah virus Zika



Memakai baju lengan panjang dan seluar panjang



Menggunakan semburan menghalau serangga seperti disarankan pihak berkuasa kesihatan

1956

Sekumpulan penyelidik melaporkan spesies nyamuk aedes aegypti boleh menyebarkan virus berkenaan pada tikus dan monyet makmal. Penyebaran ini membuktikan virus ini mampu menjangkiti manusia selepas wabak terbabit ditemui pada penduduk di Nigeria pada 1968.

1951 - 1981

Bukti serologi menunjukkan virus ; Zika ditemui dalam kalangan penduduk di Uganda, Mesir, Republik Afrika Tengah dan beberapa negara Asia termasuk India, Thailand serta Malaysia. Gejala awal yang ditunjukkan pada 1960-an dan 1970-an seperti demam, ruam, sakit sendi dan otot serta keletihan yang berterusan selama seminggu.



Wanita hamil diminta mengelakkan daripada pergi ke 14 negara di benua Amerika Latin:

- ⊙ Bolivia
- ⊙ Brazil
- ⊙ Colombia
- ⊙ Ecuador
- ⊙ El Salvador
- ⊙ French Guiana
- ⊙ Guatemala
- ⊙ Guyana
- ⊙ Honduras
- ⊙ Mexico
- ⊙ Panama
- ⊙ Paraguay
- ⊙ Suriname
- ⊙ Venezuela

Elakkan juga berkunjung ke 8 negara di Caribbean:

- ⊙ Barbados,
- ⊙ Guadeloupe,
- ⊙ Haiti
- ⊙ Martinique
- ⊙ St Martin
- ⊙ Puerto Rico
- ⊙ Cape Verde, di luar pantai barat Afrika dan Samoa di Pasifik Selatan.



Menggunakan kelambu ketika tidur



Membersihkan semua bekas yang menampung air untuk menghalang pembiakan nyamuk aedes

## Virus zika

- © Ditemui kali pertama pada monyet di Uganda pada tahun 1947. Namanya diambil dari sebuah hutan Zika iaitu lokasi di mana virus itu ditemui.
- © Disebarkan melalui gigitan nyamuk daripada jenis yang sama dan menyebarkan penyakit tropika yang lain seperti demam denggi, chikungunya dan demam kuning.
- © Hanya Kanada dan Chile tidak mempunyai nyamuk jenis ini.
- © Virus zika boleh menyebabkan risiko kecacatan otak kepada bayi dalam kandungan. Risiko bayi lahir dengan masalah kepala kecil berbanding saiz normal atau microcephaly serta mengganggu perkembangan otak.
- © Virus zika boleh menyerang janin pada awal tiga bulan pertama. Risiko jangkitan terhadap ibu mengandung pada tempoh tiga bulan terakhir.

▶ 1981

Penyelidik menerima tujuh kes klinikal di Indonesia yang menunjukkan gejala tambahan seperti hilang selera makan, cirit-birit, pening kepala dan sakit perut.

▶ 2007

Penyakit sama seperti denggi dilaporkan di utara Papua New Guinea yang menjadi wabak pertama zika. Kajian penyelidik mendapati virus dibawa spesies aedes hensilli iaitu nyamuk yang terdapat di kawasan berkenaan.

▶ 2013

Virus Zika dilaporkan di Polinesia Perancis, barat Fiji, sekali gus mencetuskan wabak kedua.

▶ 2014

Seramai 29,000 penduduk menunjukkan gejala jangkitan zika dan sekurang-kurangnya 72 pesakit turut mengalami masalah neurologi teruk, selain beberapa kes sindrom Guillain-Barre (GBS) juga dilaporkan ketika itu.

